



NEGERI PAHANG

TAMBAHAN PERUNDANGAN

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
Phg. P.U. 9/2000**

**UNDANG-UNDANG KECIL PERUNTUKAN MENGENAI LESEN BERSESAMA
(MAJLIS DAERAH PEKAN) 2000**

Tarikh penyiaran:
Tarikh mula kuat kuasa:

3 Februari 2000
3 Februari 2000

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Mukadimah

Undang-undang Kecil 1. Nama dan pemakaian.
Undang-undang Kecil 2. Tafsiran.
Undang-undang Kecil 3. Lesen berse sama.
Undang-undang Kecil 4. Syarat-syarat lesen.
Undang-undang Kecil 5. Tempoh lesen.
Undang-undang Kecil 6. Lesen hendaklah dipamerkan.
Undang-undang Kecil 7. Pemerakuan lesen.
Undang-undang Kecil 8. Bentuk borang permohonan dan lesen berse sama dsb.
Undang-undang Kecil 9. Pembatalan

JADUAL

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Pekan membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil berikut: (Akta 171)

1. Nama dan pemakaian.

Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Peruntukan Mengenai Lesen Bersesama (Majlis Daerah Pekan) 2000** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Pekan.

2. Tafsiran.

Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“Akta” ertinya Akta Kerajaan Tempatan 1976;

“lesen” termasuklah permit;

“lesen yang dikeluarkan bersesama” termasuklah lesen yang dikeluarkan secara komposit;

“Majlis” ertinya Daerah Pekan;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis Daerah Pekan;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Pekan.

3. Lesen bersesama.

Mana-mana lesen atau permit yang diberikan oleh Majlis di bawah mana-mana Undang-Undang Kecil dan Undang-Undang Kecil di dalam Jadual boleh dikeluarkan bersesama dengan mana-mana lesen atau permit lain.

4. Syarat-syarat lesen.

(1) Tiap-tiap lesen atau permit yang diberi adalah tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh Majlis dan boleh dibatalkan oleh Majlis pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

(2) Pembatalan mana-mana lesen atau permit tertentu yang dikeluarkan bersesama dengan mana-mana lesen atau permit lain di bawah undang-undang kecil 3 tidak akan menyentuh keesahan mana-mana lesen atau permit lain yang telah dikeluarkan bersesama dengannya.

5. Tempoh lesen.

Sesuatu lesen adalah sah selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun.

6. Lesen hendaklah dipamerkan.

Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada setiap masa di sesuatu tempat yang mudah dilihat di premis dan hendaklah mengemukakan lesen itu jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa meminta lesen itu dikemukakan.

7. Pemerakuan lesen.

(1) Di dalam Undang-Undang Kecil ini apa-apa sebutan mengenai perkataan lesen hendaklah termasuk juga salinan sah yang diperakui.

(2) Pemerakuan mana-mana lesen sebagai satu salinan yang sah hendaklah dibuat oleh Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua secara bertulis.

8. Bentuk borang permohonan dan lesen bersesama dsb.

(1) Bentuk borang permohonan atau lesen bersesama hendaklah menurut sepertimana yang ditetapkan oleh Majlis dan tertakluk kepada apa-apa pindaan yang dibuat oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(2) Mana-mana borang permohonan lesen yang dikeluarkan boleh dikenakan bayaran mengikut fee yang ditetapkan oleh Majlis.

9. Pembatalan.

Mana-mana peruntukan mana-mana Undang-Undang Kecil yang dinyatakan di dalam Jadual yang bertentangan dengan peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah dianggap sebagai terbatal dan dimansuhkan.

JADUAL
(Undang-Undang Kecil 3)

1. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Pekan) 1991.
2. Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Pekan) 1991.
3. Enakmen Rumah Tumpangan Bab 87.

Diperbuat 13 Oktober 1994.

ABDUL MALEK B. HJ ABDUL MAJID,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Pekan

Disahkan 17 Oktober 1994.
[SUK. Phg. (KT) 5602 Sj. 2.]

MOHD NOOR B. ABDUL RANI,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pahang